



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

**Tajuk :**

**SENI GUBAHAN BUNGA TELUR DI RAINBOW HANTARAN SDN.BHD TABUAN JAYA  
KUCHING, SARAWAK**

Nama pelajar :

**NOR IZZIANI BINTI MAT ZAIN**

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Pengurusan seni)  
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: \_\_\_\_\_

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the .....**20**.....day of.....**JUNE**.....2014.

**Student's Declaration:**

I ..... **NOR IZZIANI BINTI MAT ZAIN, 31790, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS** .....

(PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled **SENI GUBAHAN BUNGA TELUR DI RAINBOW HANTARAN SDN.BHD TABUAN JAYA KUCHING** is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

20 JUNE 2014

Date submitted

Nor Izziani Binti Mat Zain (31790)

Name of the student (Matric No.)

**Supervisor's Declaration:**

I ..... **Dr. Anna Durin** ..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled ..... **SENI GUBAHAN BUNGA TELUR DI RAINBOW HANTARAN SDN.BHD TABUAN JAYA, KUCHING** ..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a \* partial/full fulfillment for the conferment of ..... **BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)** ..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: \_\_\_\_\_

**Dr. Anna Durin**

Date: 20 JUNE 2014

(Name of the supervisor)

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*  
 **RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)\*  
 **OPEN ACCESS**

### Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature \_\_\_\_\_  
( 20 June 2014 )

Supervisor signature: \_\_\_\_\_  
( 20 June 2014 )

Current Address:

SL 7 JALAN CANNA, TABUAN TRANQUILITY (bersebelahan Giant Tabuan)

Notes: \* If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

## **PENGHARGAAN**

Syukur kehadiran Ilahi kerana atas pertolonganNya, akhirnya penyelidikan ini dapat disiapkan dengan sempurna. Dalam menyiapkan tugas penyelidikan ini, saya telah banyak terhutang budi dengan pelbagai pihak yang turut sama membantu menyiapkan tugas penyelidikan ini. Sesungguhnya, tanpa bantuan dari mereka dalam menyumbangkan pelbagai idea dan pendapat yang bernas tentunya saya tidak mampu melengkapkan tugas ini. Dengan kesempatan yang diberi ini, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih atas sokongan yang diberikan oleh individu-individu yang membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Dalam kesempatan yang diberi ini, penghargaan yang tidak terhingga saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Dr. Anna Durin yang banyak membantu saya dalam penyelidikan ini. Malahan, beliau tidak jemu-jemu untuk menyumbangkan buah fikiran untuk skop kajian saya. Sesungguhnya, segala pengorbanan, pertolongan, budi dan jasa beliau tidak akan saya lupakan.

Jutaan ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan khas kepada informen-informen yang telah banyak membantu saya menyelesaikan tajuk kajian saya ini. Terutamanya kepada Cik Rosni, Cik Nor dan Puan Fu yang merupakan kakitangan

pekerja Rainbow Hantaran Sdn Bhd. Tanpa bantuan dari kalian, saya tidak mampu menyelesaikan penyelidikan saya. Malahan dengan bantuan maklumat dari kalianlah yang membantu menyelesaikan tajuk kajian saya ini. Sesungguhnya, segala pertolongan yang diberikan tidak mampu saya membalasnya.

Malahan, ucapan penghargaan yang tidak terkira saya berikan kepada semua kawan-kawan saya yang bertungkus-lumus memberi sumbangan buah fikiran dalam menyiapkan penyelidikan ini. Sesungguhnya, tanpa bantuan dari kalian tentunya penyelidikan ini tidak akan disiapkan dengan sempurna. Jutaan yang tidak terhingga saya berikan kepada pihak Universiti Malaysia Sarawak yang merupakan universiti pengajian saya. Pihak universiti yang membenarkan saya menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan yang teristimewa saya tujukan dengan seikhlas hati kepada keluarga saya yang tidak jemu-jemu memberikan kata semangat kepada saya. Malahan, mereka sanggup mengeluarkan kewangan kepada saya. Sekalung terima kasih saya ucapkan kepada keluarga saya. Semoga mereka diberikan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan juga dipermudahkan rezeki. Saya mendoakan agar mereka diberikan kesempurnaan hidup di dunia mahupun diakhirat. Amin.

Sekian, terima kasih

## **ABSTRAK**

Kajian diskriptif ini merupakan kajian Seni Gubahan Bunga Telur Di Sarawak. Antara objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah untuk mengkaji untuk mengenalpasti kaedah pengkomersialan dalam penghasilan gubahan bunga telur di Rainbow Hantaran Sdn Bhd. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu aspek temu bual, pemerhatian dan pendokumentasian. Dapatan kajian menunjukkan objektif untuk mengenalpasti konsep penghasilan bunga telur dalam fungsi dan kesenian sesuatu majlis. Selain itu, untuk mengkaji sistem pengurusan yang digunakan di Rainbow Hantaran Sdn Bhd.

## ABSTRACT

In this research, the objective of study descriptive is about Seni Gubahan Bunga Telur in Sarawak. The matter that would be achieved in this research is to study in commercialization about bunga telur that composite in Rainbow Hantaran Sdn Bhd. So that, the solution should be use is kualitative method. The kualitative method involve interview aspect, observation and documentating. The proof in this research show that, objective should be achieve is to identify concept roduction of bunga telur in commercialization. Besides that, the objective research also about to identify management that used in Rainbow Hantaran Sdn Bhd.

## ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN.....	I
ABSTRAK.....	II
ABSTRACT.....	III
BAB1:- PENDAHULUAN	
Pengenalan.....	1
Latar Belakang Kajian.....	2
Hipotesis.....	3
Permasalahan Kajian.....	4
Objektif Kajian.....	5
Soalan Kajian.....	6
Lokasi Kajian.....	7
Kerangka Kajian.....	8 - 15
Kepentingan Kajian.....	16
Skop Kajian.....	17
Rumusan.....	18



## BAB 2:- SOROTAN KESUSASTERAAN

Pendahuluan.....	19
Maksud Gubahan.....	19
Unsur-Unsur Budaya.....	20
Simbol Adat.....	20
Simbol Warisan.....	21
Membuka Peluang Pekerjaan.....	21
Seni Kraf.....	22
Lambang Kepercayaan.....	23
Rumusan.....	24

## BAB 3:- METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan.....	25
Pemerhatian.....	25
Temu Bual.....	26
Dokumentasian.....	26
Rumusan.....	27

## BAB 4 :- DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan.....	28
Bunga Telur.....	29
Material Penggunaan Bunga Telur.....	30 - 32
Konsep Dan Teknik.....	33 - 35
Warna.....	36 - 38
Motif Dan Corak.....	39 - 41
Cara Pembuatan.....	42 - 43
Fungsi Bunga Telur.....	44 - 45
Persediaan Membuat Bunga Telur.....	45 - 46
Taraf Sosial.....	47 - 48
Jenis Bunga Telur.....	49 - 53
Pengurusan Di Rainbow Hantaran Sdn Bhd.....	53
Sumber Manusia.....	54 - 57
Sistem Pakaian.....	58 - 62
Promosi.....	63 - 67
Pameran.....	68 - 71

Kewangan.....	72 - 75
Perancangan.....	76 - 77
Pengorganisasian.....	78 - 80
Kepimpinan.....	81 - 82
Pengawalan.....	83 - 84
 BAB 5 :- KESIMPULAN	
Kesimpulan.....	85 - 86
Cadangan :- Penyelidikan Akan Datang.....	87
Untuk Industri Pelancongan Atau Muzium.....	88 - 89
Peranan Sekolah Dan Institusi.....	89 - 90
Rujukan.....	91 - 92
Lampiran.....	93 - 94
 SENARAI RAJAH	
Gambar 1 dan Gambar 2.....	33
Imej menggunakan coklat dan gula-gula	
Gambar 3.....	34
Imej bunga telur dipacak atas pulut	

Gambar 4 dan Gambar 5.....	35
Imej berkonsep moden	
Gambar 6.....	37
Warna primer (satu warna)	
Gambar 7.....	38
Campuran warna moden	
Gambar 8 dan Gambar 9.....	41
Imej bunga telur bersifat umum	
Gambar 10.....	51
Bunga telur berjoran	
Gambar 11 dan Gambar 12.....	52
Imej bunga telur beraga	

## **BAB 1**

### **Pengenalan**

Kajian ini adalah berfokus kepada Gubahan Bunga Telur, di negeri Sarawak. Perkara yang dikaji ialah sistem pengkomersialan gubahan bunga telur. Industri Rainbow Hantaran Sdn.Bhd ini telah bermula pada awal November tahun lepas.

Bunga telur merujuk kepada kuntum bunga diikat telur dan dipacak pada pulut kuning di kiri dan kanan mempelai. Mengikut kepercayaan orang Melayu, telur yang terdapat dalam bunga melambangkan kesuburan. Pemberian bunga telur kepada jemputan kahwin adalah dianggap sebagai mengumpul doa orang ramai agar pasangan tersebut subur dan mendapat zuriat. Pada umumnya, bunga telur digunakan untuk menghiasi sekitar pelamin pengantin baru dan dijadikan buah tangan untuk semua jemputan kahwin. Pemberian telur yang dihias dengan bunga bertangkai atau diletakkan di dalam bekas yang cantik mempunyai simbolik makna agar mempelai dikurniakan kesuburan memiliki zuriat penyambung warisan.

Pengkaji memilih lokasi tersebut kerana di situ terdapatnya sistem pengurusan yang sistematik dalam sistem pekerja. Dalam pembuatan gubahan bunga telur, sememangnya memerlukan kakitangan yang berkebolehan yang jelas terhadap reka bentuk penghasilan bunga telur. Pekerja-pekerja di Rainbow Hantaran Sdn.Bhd

mempunyai kemahiran tertentu dalam seni gubahan. Hasil gubahan perlulah bersesuaian dengan konsep yang digunakan sama ada konsep tersebut berkonsepkan moden atau tradisional.

### **Latar Belakang Kajian**

Bagi masyarakat Melayu, bunga telur merupakan alatan yang paling penting semasa hari bersanding. Pada umumnya, bunga telur digunakan untuk menghiasi sekitar pelamin pengantin baru dan dijadikan buah tangan untuk semua jemputan kahwin. "Telur bagi mereka lambang 'kesuburan'. Telur yang digunakan dalam bunga telur ialah telur ayam yang direbus. Penyediaan telur hanya boleh dilakukan sehari sebelum perkahwinan. Ini menyebabkan telur yang direbus tidak boleh tahan lama.

Walaupun kehidupan kini semakin moden dan pelbagai elemen baru telah dihasilkan dalam seni gubahan perkahwinan, namun pemberian bunga telur dalam majlis perkahwinan tetap diberi diberi keutamaan. Tradisi ini merupakan tradisi yang ditinggalkan oleh nenek moyang masih diikuti oleh semua masyarakat. Pemberian bunga telur masih dititikberatkan sama ada digunakan untuk hiasan pelamin atau untuk dihulurkan kepada jemputan kahwin sebagai tanda penghargaan ke atas kesudian meluangkan masa untuk datang. Bunga telur akan diisi dalam beg khas dan dihadiahkan kepada jemputan kahwin sebagai cenderahati perkahwinan.

## **Hipotesis**

Dalam aspek hipotesis, kajian mendapati bahawa teknik gubahan bunga telur adalah sangat menarik. Untuk sistem pengurusan, seni gubahan bunga telur sememangnya memerlukan warna, jenis bunga, motif dan corak bagi seiring dengan tema yang dikehendaki. Oleh itu, seni gubahan ini memerlukan aspek pengurusan yang sistematik daripada pengeluar dan pelanggan. Memang tidak dapat dinafikan, aspek penghasilan bunga telur mengambil masa yang lama untuk menyesuaikan dengan tema bagi sesuatu majlis. Namun begitu, penghasilan bunga telur perlulah tampak lebih jelas dan kemas dari pelbagai sudut agar mampu menyerikan lagi majlis. Di Rainbow Hantaran Sdn.Bhd dapat dilihat bahawa mereka memakai pekerja yang berkemahiran tinggi dalam aspek gubahan.

## **Permasalahan Kajian**

Bunga telur merupakan satu warisan yang dimiliki oleh masyarakat melayu. Penghasilan bunga telur sangat sinonim dengan masyarakat melayu khususnya dalam sesuatu majlis. Pada kebiasaanya, fungsi bunga telur adalah untuk menjadi buah tangan dalam sesuatu majlis. Jika dahulu bunga telur digubah dengan menarik dan sepenuhnya menggunakan telur. Namun, penggunaan tersebut dimodenkan dan dikomersial sepenuhnya iaitu lebih menekankan kepada makanan ringan seperti coklat, kek dan sebagainya. Dari segi pengkomersialan, terdapat beberapa sistem untuk menguruskan bunga telur supaya ia dapat berkembang dalam bidang pengkomersialan. Hal ini termasuklah dari segi pemuliharaan, pembuatan, penjualan, cara pameran dan promosi kepada masyarakat melayu. Isu kajian ini ialah pengurusan bunga telur dalam bidang pengkomersialan. Bidang pengkomersialan adalah berkaitan dalam aspek material, konsep penghasilan, warna, motif dan corak serta cara pembuatan.



## **Objektif Kajian**

1. Untuk mengenalpasti kaedah pengkomersialan dalam penghasilan gubahan bunga telur.

Terdapat beberapa aspek yang diperlukan dalam kaedah penghasilan bunga telur seperti bunga telur yang bersifat tradisi dan moden. Jenis penghasilan bunga telur dapat dilihat dari segi material penggunaan bunga telur, konsep dan teknik, motif, corak, cara pembuatan dan sebagainya.

2. Untuk mengkaji sistem pengurusan yang digunakan di Rainbow Hantaran Sdn Bhd.

Terdapat beberapa aspek yang perlu dikaji dalam sistem pengurusan yang digunakan di Rainbow Hantaran Sdn Bhd. Antaranya ialah dalam bidang pemasaran seperti bidang promosi, kewangan, pameran dan sumber manusia.

## Soalan Kajian

Kajian ini memerlukan beberapa soalan yang boleh membantu dalam menyelesaikan dalam masalah kajian dan dalam membantu menyelesaikan masalah kajian. Antara contoh-contoh soalan kajian ialah :-

1. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep gubahan bunga telur?
2. Siapakah yang menggunakan khidmat gubahan bunga telur
3. Di manakah sumber utama untuk mendapatkan alatan bagi menghasilkan bunga telur?
4. Kenapa gubahan bunga telur diperlukan?
5. Bilakah bunga telur akan digunakan?
6. Bagaimanakah proses penghasilan sesebuah bunga telur?

## **Lokasi Kajian**

Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah di Tabuan Jaya, Kuching Sarawak. Pengkaji memilih tempat di Rainbow Hantaran Sdn.Bhd kerana terdapat beberapa pengurusan yang dapat dikaji sepenuhnya. Pengkaji memilih tempat tersebut kerana di situ terdapatnya pelbagai koleksi bunga telur yang belum digubah lagi. Oleh hal itu, pengkaji akan melihat sendiri cara gubahan bunga telur oleh pekerja di kedai tersebut. Selain itu, terdapat banyak pakar yang boleh memberikan respon dalam menyelesaikan isu kajian secara menyeluruh. Hal ini termasuklah dari segi pembuatan, pengurusan dan promosi. Pengkaji juga telah mendapat informasi secara temu ramah terhadap pekerja dan pelanggan mengenai gubahan seni bunga telur. Tambahan pula, di Rainbow Hantaran Sdn.Bhd terdapat objektif kajian yang dikehendaki oleh pengkaji. Ini akan memudahkan pengkaji dalam mengkaji isu kajian yang dipilih. Selain itu, pengkaji telah mengenalpasti beberapa pakar dalam membantu pengkaji mengkaji isu kajian yang dipilih.

## **Kerangka Kajian**

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah konseptual teoritikal yang diambil daripada pendapat pengkaji masa lampau. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan pengurusan kerana pengurusan ini ialah tentang pengurusan seni gubahan bunga telur. Oleh yang demikian, konsep ini dipilih adalah sangat sesuai digunakan sebagai panduan untuk membantu dalam penyelesaian permasalahan kajian dan seterusnya membantu mencapai objektif-objektif kajian ini. Beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian ini akan dibincangkan dibawah ini seperti pengurusan perancangan, pengurusan, fungsi sesuatu organisasi/institusi

## **Pengurusan**

Berdasarkan buku-buku yang dipilih sebagai rujukan, maksud pengurusan dapat difahami sebagai seni menguruskan orang lain supaya melakukan apa-apa tugas yang difikirkan perlu tanpa mereka sendiri melakukannya. Maksud pengurusan ini dibuktikan oleh Syed Othman Alhabsishi, Hamiza Ibrahim dalam buku Pengurusan dan Pentadbiran. Menurut pendapat Aizzat Mohd.Nasaruddin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad menerusi buku Pengantar dan Pengurusan menterjemahkan pengurusan sebagai proses pencapaian matlamat mengikut cara yang berkesan dan cekap.

## **Sumber Manusia**

Maksud pengurusan ini hampir sama dengan pendapat Mark Easterby, Smith, Richard Thorpe dan Andy Lowe menerusi buku *Management Research An Introduction* yang mengistilahkan pengurusan sebagai pengurus yang tertinggi akan melibatkan pekerja bawahannya dalam sesebuah organisasi. Pengurusan yang baik akan mempunyai model dan sistem sebagai teknik dalam memastikan pekerjaanya mencapai matlamat organisasi. Manakala John Naylor menerusi buku *Management* membuktikan pengurusan sebagai proses mengorganisasikan objektif tanpa mengubah persekitaran iaitu seseorang pengurus akan menyeimbangkan ketepatan dan kejituan secara adil.

## **Ciri-ciri pengurusan**

Syed Othman Alhabsishi dan Hamiza Ibrahim melalui buku *Pengurusan dan Pentadbiran* menganggap pengurusan mempunyai ciri-ciri tertentu. Menurut beliau lagi, ciri-ciri pengurusan yang baik ialah seseorang pengurus atau pemimpin haruslah mempunyai wawasan yang jauh. Sebagai seorang pengurus, beliau seharusnya lebih peka lagi terhadap sesuatu perjalanan organisasi. Oleh yang demikian, beliau perlulah mempunyai matlamat yang jelas dalam organisasi tersebut. Matlamat itu seharusnya disampaikan dengan lebih jelas lagi kepada para pekerja bawahannya. Ciri-ciri pengurusan yang baik yang seterusnya ialah seseorang pengurus haruslah mengadakan perancangan jangka masa panjang yang menggariskan hala cara operasi sesebuah organisasi, menyusun pekerjaanya untuk menjalankan tugas dengan cekap, mengagih, mengawal, meransang motivasi dan tugas kepada semua pekerja dibawahnya. Oleh yang

demikian, organisasi tersebut akan berada dibawah seliaannya dengan baik. Aizzat Mohd. Nasaruddin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad menerusi buku Pengantar Pengurusan juga bersetuju dengan pendapat tersebut. Dalam penulisan buku tersebut juga hampir sama maksud, malahan beliau menambah lagi seseorang pengurus yang baik akan memandu pekerja bawahannya untuk mencapai matlamat organisasi megikut cara yang berkesan dan cekap.

### **Promosi**

Menurut Hayati (2011), mendefinisikan “promosi juga dikenali sebagai komunikasi pemasaran iaitu proses untuk mempengaruhi seseorang individu dengan berkongsi idea, maklumat dan perasaan”. Promosi merupakan proses penting dalam aspek pemasaran. Bentuk promosi yang digunapakai akan mempengaruhi keputusan pengguna dalam membuat pilihan di samping mewujudkan kesedaran pengguna terhadap kesedaran produk, perkhidmatan dan aktiviti yang ada di pasaran atau akan dilaksanakan. Melalui promosi ini para pengguna akan mendapat maklumat serta pengguna boleh mendapatkan maklumat secara terus daripada pihak penganjur atau pengurus pemasaran.

Salah satu bentuk atau media promosi ialah komunikasi secara peribadi iaitu penyampaian maklumat dilakukan antara dua pihak atau lebih. Komunikasi ini merupakan penyampaian maklumat secara lisan atau lebih dikenali sebagai hebahan dari mulut ke mulut. Komunikasi ini bermaksud promosi yang dilakukan adalah tanpa hubungan langsung dengan pengguna. Contoh yang digunapakai bagi mempromosikan

sambutan perayaan di Kampung Kopit ini adalah melalui flyers, poster, dan laman sosial seperti muka buku (facebook).

### **Kewangan**

Dalam pengurusan sesebuah organisasi, sumber kewangan merupakan aspek penting dalam menjalankan dan menampung kos operasi organisasi. Armstrong (2006) dan Pettinger (1997) menyatakan dalam buku mereka yang bertajuk 'A Handbook of Management Techniques' bahawa pengurusan sistem kewangan yang efisien dapat menggerakkan perbelanjaan kos operasi tanpa melibatkan pembaziran dan mengelakkan over budget. Kos operasi ini biasanya melibatkan perbelanjaan semasa organisasi. Pengurusan kewangan yang efektif dan sistematik dapat membantu menampung perbelanjaan operasi sekiranya organisasi menghadapi masalah serta di samping itu lebihan kewangan dapat digunakan untuk kegiatan organisasi itu sendiri.

### **Fungsi Pengurusan**

Terdapat beberapa pendapat yang hampir sama dikaji dalam istilah fungsi pengurusan. Azzat Mohd.Nasaruddin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad menerusi buku Pengantar dan Pengurusan, Mark Easterby, Smith, Richard Thorpe dan Andy Lowe dalam buku Management Research An Introduction serta Byrnes dan William J dalam buku Management and the arts. Beberapa tokoh tersebut bersetuju bahawa fungsi

pengurusan dapat dibahagikan kepada empat cabang iaitu perancangan, pengorganisasian, kepimpinan, dan pengawalan.

### **Perancangan**

Azzat Mohd.Nasaruddin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad menerusi buku Pengantar dan Pengurusan, Mark Easterby, Smith, Richard Thorpe dan Andy Lowe dalam buku Management Research An Introduction serta Byrnes dan William J dalam buku Management and the arts ada menyatakan aspek perancangan. Pada aspek perancangan ialah seseorang pengurus yang mempunyai daya kebolehan tinggi akan mengurus pekerja dalam sesebuah organisasi akan bertanggungjawab untuk merancang urusan organisasi dalam lingkungan polisi dan kehendak organisasi atau institusi pekerja tersebut. Dalam aspek perancangan, pengurus akan mempunyai beberapa cara untuk sesebuah organisasi mencapai matlamat dan objektif.

### **Pengorganisasian**

Azzat Mohd.Nasaruddin, Intan Osman dan Zainal Ariffin Ahmad menerusi buku Pengantar dan Pengurusan, Mark Easterby, Smith, Richard Thorpe dan Andy Lowe dalam buku Management Research An Introduction serta Byrnes dan William J dalam buku Management and the arts ada menyatakan aspek pengorganisasian. Aspek pengorganisasian iaitu pengurus bertindak untuk mengorganisasikan pekerja mengikut